

**DUN S'gor lulus usul bahas ADUN Sekinchan dibelasah  
Malaysiakini.com  
November 09, 2010**

Dewan undangan negeri Selangor hari ini akan membahaskan usul tergepar berhubung dakwaan serangan ke atas ADUN Sekinchan, Ng Suee Lim, minggu lalu.

Usul berkenaan dibentangkan oleh ADUN Rawang, Gan Pei Nei, bertujuan membidas ketua Umno bahagian Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar berhubung kenyataannya yang memberi amaran kepada Ng supaya menjauhkan diri dari kawasannya.

Usul itu juga bagi membidas polis yang didakwa gagal bertindak sehingga menyebabkan ADUN Sekinchan itu cedera dan terpaksa dimasukkan ke hospital.

Speaker DUN, Teng Chang Khim membenarkan usul itu yang akan dibahaskan pada jam 2.30 petang ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147676>